



JETI Nelayan Pengkalan Kempas, Linggi, Port Dickson sering menjadi pilihan pemancing bagi memburu udang galah dari Sungai Linggi yang mendapat permintaan tinggi sempena sambutan Tahun Baharu Cina.

Permintaan udang galah meningkat

UM 6/1/25 pg 35

PORT DICKSON: Sekurang-kurangnya 100 kilogram udang galah liar dari kawasan Pengkalan Kempas, Linggi di sini perlu diperolehi nelayan mahupun pemancing bagi memenuhi permintaan sempena sambutan Tahun Baharu Cina tidak lama lagi.

Seorang nelayan di situ, Lee Ching Dong, 38, berkata, dia sudah mempunyai lebih 10 pelanggan yang mahukan bekalan 'sepit biru' untuk dijadikan juadah 'makan besar' sempena perayaan tersebut.

"Kalau saya sendiri sahaja memang tidak mampu memenuhi permintaan pelanggan jadi saya akan minta bantuan beberapa nelayan lain dan

juga pemancing.

"Kebiasaannya, hasil yang mampu saya peroleh pun sekitar dua ke tiga kilogram sahaja dalam tempoh dua hari mengikut keadaan air sungai serta cuaca pada hari pencarian," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini.

Ujar Ching Dong, bilangan udang galah bagi setiap sekilogram bergantung kepada saiz, jika bersaiz kecil mampu mencecah sehingga 30 ekor

"Biasanya bagi sambutan Tahun Baharu Cina, udang bersaiz tiga inci jadi pilihan. Ia kemudiannya dimasak secara stim, masak masam manis, goreng mentega telur dan juga goreng telur masin," katanya.